

Berita Minggu, Ahad, 11 Julai, 1982

## Hentikan ploncoan

**KUALA LUMPUR, Sabtu — Kerajaan telah mengarahkan Angkatan Tentera menghentikan ploncoan terhadap pegawai dan kakitangan baru.**

Ketika mengumumkan demikian, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau baru-baru ini telah meluluskan pembuangan

kerja dua pegawai tentera kerana terlibat dalam ploncoan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, yang juga Menteri Pertahanan menjelaskan pembuangan kerja para pegawai berkenaan tidak mempunyai kaitan dengan kematian Left. Muda Sugudev Singh di Kucing baru-baru ini.